

## Humor Sebagai Strategi Komunikasi Dalam Wacana Digital

Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli, dan Wan Norhaizar Harun

Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, UniMAP  
asliza@unimap.edu.my, nsyazwani@unimap.edu.my, haizar@unimap.edu.my

### ABSTRAK

Perkembangan pesat teknologi komunikasi telah menyaksikan perubahan yang signifikan dalam bentuk dan gaya komunikasi dalam talian. Salah satu ciri utama yang mencorakkan interaksi digital masa kini ialah penggunaan humor sebagai strategi komunikasi yang mencerminkan sikap, nilai dan kreativiti pengguna media sosial. Kajian ini mengeksplorasi penggunaan humor dalam kalangan pencipta kandungan kreatif di media sosial Tik Tok Malaysia ketika membincangkan isu-isu sensitif seperti politik, agama dan kaum dalam ruangan siber. Penggunaan humor dalam komunikasi kini telah menjadi alat retorik penting untuk menyampaikan kritik sosial secara tidak langsung. Malah, platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan Tik Tok telah menjadi medan interaksi utama yang memperlihatkan bagaimana pengguna memanfaatkan humor sebagai satu bentuk strategi komunikasi dalam interaksi mereka. Kajian kualitatif deskriptif ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan hantaran (*posting*) berunsur humor yang diperoleh daripada platform Tik Tok. Data dianalisis berpandukan tujuh jenis humor dalam sesebuah peristiwa bahasa, iaitu humor melalui sindiran, tempelak, candik, perli, kelakar, mengusik atau melawak dan jenaka kata berdasarkan kerangka humor Asmah haji Omar (1999, 2000). Dapatan kajian menunjukkan bahawa humor dalam komunikasi digital bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi turut menjadi mekanisme retorik yang efektif dalam menyampaikan kritikan sosial. Kajian ini membuktikan bahawa humor ialah cerminan kreativiti serta kepekaan masyarakat terhadap isu semasa dalam wacana digital masa kini.

**Kata kunci:** Humor, komunikasi digital, kritik sosial, pencipta kandungan, retorik

### ABSTRACT

The rapid development of communication technology has witnessed significant changes in the form and style of online communication. One of the main characteristics that shapes today's digital interactions is the use of humor as a communication strategy that reflects the attitudes, values and creativity of social media users. This study explores the use of humor among creative content creators on the Malaysian social media Tik Tok when discussing sensitive issues such as politics, religion and race in cyberspace. The use of humor in communication has now become an important rhetorical tool to indirectly convey social criticism. In fact, social media platforms such as Facebook, Twitter and Tik Tok have become the main interaction fields that show how users utilize humor as a form of communication strategy in their interactions. This descriptive qualitative study uses a content analysis method involving humorous postings obtained from the Tik Tok platform. The data is analyzed based on seven types of humor in a language event, namely humor through satire, pastiche, candik, perli, kelakar, menguci or melawak and katakata based on the humor framework of Asmah haji Omar (1999, 2000). The findings of the study show that humor in digital communication not only serves as entertainment, but also serves as an effective rhetorical mechanism in conveying social criticism. This study proves that humor is a reflection of creativity and community sensitivity to current issues in today's digital discourse.

**Keywords:** Humor, digital communication, social critique, content creator, rhetoric

## PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi komunikasi digital, telah menyaksikan perubahan signifikan dalam bentuk dan gaya komunikasi dalam talian. Media sosial kini telah menjadi platform ekspresi diri warga maya serta menjadi ruang perbincangan sosial yang utama dan mudah kepada seluruh warga maya untuk berinteraksi tanpa mengira status sosial, gender dan umur. Dalam konteks ini, pencipta kandungan atau *content creator* dilihat semakin aktif menggunakan ruangan siber untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap pelbagai isu ekonomi, politik, sosial dan termasuk isu-isu sensitif berkaitan agama dan kaum. Namun, apa yang menariknya, isu-isu tersebut disampaikan dalam bentuk humor. Humor menurut Asmah Hj. Omar (2000: 84-85) ialah tutur kata yang mencuit hati orang yang mendengar dan boleh membuatkan seseorang itu ketawa atau ingin ketawa, walaupun dalam keadaan marah. Humor kini bukan sekadar sebagai hiburan di kala santai, malah telah berevolusi menjadi satu bentuk retorik yang berkesan dalam menyampaikan mesej, kritikan serta memperlihatkan ketegangan sosial dalam bentuk yang lebih ringan dan mudah diterima. Dalam hal ini, Abdullah Hassan (2002), menjelaskan bahawa humor sangat berkesan untuk membina kesan positif dalam kalangan hadirin kerana penyampai yang berjaya menyelitkan humor akan membuatkan mereka berasa selesa, gembira dan tidak terancam. Malah, individu yang memiliki rasa humor yang tinggi (*sense of humor*) akan menjadi lebih bermotivasi, lebih ceria, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, boleh dipercayai dan mempunyai dominasi sosial (William E. Kelly, 2010: 657-666).

Humor mempunyai pelbagai fungsi dan tujuan. Antaranya untuk menarik perhatian seseorang dan boleh disampaikan secara lisan mahupun melalui penulisan. Fungsi humor juga bukan sekadar untuk menghiburkan, malah berperanan dalam menyampaikan maklumat yang berunsur nasihat dan teguran kepada masyarakat untuk menerimanya tanpa perlu berkecil hati. Malah, humor juga digunakan sebagai saluran untuk menasihati dan juga mengkritik seseorang secara berkias atau beretorik. Menurut Talib Samat (2006), penggunaan unsur humor dalam sesebuah naratif berfungsi sebagai satu kritikan sosial yang bertujuan untuk membuka minda dan mencelikkan mata khalayak. Sehubungan itu, humor boleh diaplikasikan sebagai satu teknik untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan juga untuk mempengaruhi seseorang. Hal ni kerana, humor sangat penting untuk menimbulkan kesan positif terhadap pendengar dan secara tidak langsung hadirin akan menjadi lebih terbuka atas mesej yang disampaikan oleh seseorang pengucap (Abdullah Hassan, 2002). Penggunaan humor dalam konteks ini berfungsi bukan sahaja sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai medium komunikasi yang lebih terbuka dan inklusif dalam kalangan masyarakat. Humor juga berperanan penting dalam mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan dan menyeronokkan antara penyampai dan pendengar dan mendorong kepada perbincangan yang lebih membina mengenai isu-isu sosial yang sensitif.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan mengenai komunikasi digital dan tingkah laku pengguna media sosial, namun masih kurang penelitian yang meneliti secara khusus bagaimana humor digunakan oleh pencipta kandungan di media sosial dalam membincangkan isu-isu sensitif. Adakah humor ini berfungsi untuk meredakan ketegangan, menyindir pihak tertentu, atau sebagai satu bentuk penentangan halus terhadap struktur kuasa sedia ada?, justeru, makalah ini bertujuan untuk mengeksplorasi peranan humor sebagai satu bentuk strategi komunikasi dalam wacana digital, khususnya apabila berkait dengan isu-isu sensitif yang lazimnya dianggap tabu untuk dibincangkan secara terbuka. Penggunaan humor dalam komunikasi kini telah menjadi alat retorik penting untuk menyampaikan kritikal sosial secara tidak langsung. Malah, platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan Tik Tok telah menjadi medan interaksi utama yang memperlihatkan bagaimana pengguna memanfaatkan humor sebagai satu bentuk strategi komunikasi dalam interaksi mereka. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis bentuk-bentuk humor yang digunakan oleh pencipta kandungan di media sosial dan melihat bagaimana humor dapat berfungsi sebagai alat untuk memupuk dialog sosial yang lebih inklusif dan memahami isu-isu sensitif dalam masyarakat dan negara.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian humor telah banyak dilakukan dalam pelbagai bidang seperti pengajaran dan pembelajaran (PdP), perubatan, perundangan, periklanan dan sebagainya. Namun, kajian penggunaan humor dalam media sosial dilihat masih baru dalam konteks wacana digital di Malaysia. Antara kajian yang berkaitan unsur humor dalam media sosial ada dijalankan oleh Ezzah 'Afifah Nasrudin dan rakan-rakan (2022). Mereka mengkaji penggunaan bahasa sarkastik dalam laman Facebook yang menjadi saluran utama masyarakat Malaysia mengekspresikan pandangan serta melontarkan kritikan secara tersirat. Penelitian mereka menemukan enam gaya penyampaian bahasa sarkastik dan salah satunya berbentuk humor dengan menggunakan model Gibbs (2000). Dapatan kajian mereka menunjukkan walaupun gaya sarkastik agresif sering dikaitkan dengan unsur negatif dan pelanggaran prinsip kesantunan, tetapi terdapat juga pendekatan humor dan retorik yang lebih ringan dan bersifat mencuit pemikiran serta menyumbang kepada pemahaman tentang transformasi gaya bahasa dalam komunikasi digital, terutama dari sudut bagaimana masyarakat menggunakan sindiran sebagai alat ekspresi dan dialog sosial. Kajian ini juga secara tidak langsung menekankan keperluan kesedaran literasi media dalam memahami niat serta kesan penggunaan bahasa sarkastik dalam ruang awam digital yang semakin kompleks.

Sementara itu, kajian Faizul et al. (2018) bertajuk "Meme Sebagai Seloka Persendaan dan Parodi" mendapati meme selain menerapkan unsur seloka juga dilihat sebagai suatu medium yang berkesan untuk menyampaikan rasa ketidakpuasan hati seseorang terhadap sesuatu isu ataupun sesuatu perkara. Pendaptasian kerangka analisis wacana kritis model Fairclough telah membuktikan bahawa meme bukan sekadar hiburan, tetapi menjadi ruang kepada menyuarakan keresahan rakyat terhadap isu politik dan sosial dan kritikan sosial secara halus kelompok marhaen. Dengan menganalisis enam meme tempatan, kajian ini berjaya mendedahkan dinamika kuasa, budaya, dan politik dalam wacana digital.

Berdasarkan kajian-kajian humor dalam media sosial ini dapat disimpulkan bahawa pengkaji-pengkaji telah memperlihatkan pelbagai kaedah dan pendekatan yang dianggap relevan pada masa ini. Kajian mereka juga secara tidak langsung menekankan keperluan kesedaran literasi media dalam memahami niat serta kesan penggunaan unsur humor dalam ruang awam digital yang semakin kompleks. Penggunaan humor dalam konteks digital di Malaysia bukan sahaja mencerminkan kreativiti individu, tetapi juga menunjukkan perubahan dinamik dalam cara masyarakat berinteraksi dan menyampaikan pandangan dalam isu sosial, ekonomi dan politik dengan lebih mendalam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan ke atas unsur humor dalam media sosial Tik Tok. Penyelidikan kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan memerlukan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan di mana bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009:97). Pengkaji memilih dua teks hantaran dalam wacana digital Tik Tok sebagai bahan kajian dan diteliti serta dicerakinkan segala isi utama yang dapat menggambarkan unsur humor berdasarkan kerangka humor Asmah Haji Omar (2000). Asmah menjelaskan membahagikan humor kepada tujuh jenis seperti sindiran, tempelak, kelakar, candik, melawak, perli dan kata jenaka atau berseloroh yang boleh digunakan dalam komunikasi bagi mencapai tujuan tertentu.

## ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati bahawa humor dapat disampaikan menerusi bentuk-bentuk humor seperti sindiran, tempelak, kelakar, candik, melawak, perli dan kata jenaka atau berseloroh.



**Rajah 1.** Kritikan Terhadap Pemansuhan Peperiksaan.

Dalam Rajah 1, humor digunakan untuk menyindir cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pemansuhan peperiksaan. Antara jenis humor yang dikenal pasti ialah:

**Jadual 1** Analisis Data 1 Kritikan Terhadap Pemansuhan Peperiksaan

Jenis Humor	Bukti teks	Fungsi
Sindiran	<i>"Yang menjadi tekanan pada murid ialah silibus tinggi..."</i>	Menunjukkan pandangan bahawa tekanan bukan datang daripada peperiksaan semata-mata.
Tempelak	<i>"Menteri ni punya bangang..."</i>	Menyerang secara langsung.
Perli dan Candik	<i>"Kalau macam tu Kementerian Pengangkutan pon kena la ikot langkah yang sama mansuhkan ujian lesen motosikal."</i>	Membandingkan sistem pendidikan dengan ujian lesen motosikal dalam nada sinis dan lucu.
Kelakar dan Melawak	<i>"Ujian motosikal ni lagi bagi tekanan pada pelajar, dah la bagi helmet index span pon dah gahai, nak masuk simpang kena lambai lambai tangan dengan brek moto pon tak berapa nak makan."</i>	Visualisasi pelajar melambai sambil menunggang motosikal mencetuskan kelucuan.
Jenaka Kata		Penggunaan ayat hiperbola mencipta unsur kejutan dan kelucuan.

## Sindiran

Sindiran merupakan satu perkataan yang digunakan untuk mengatai (mengeji, mengejek, mencela) orang dengan tidak berterus terang, kiasan (Kamus Dewan). Za'ba (1965), mendefinisikan sindiran sebagai salah satu bentuk ragam bahasa iaitu, perkataan yang ditujukan maksudnya kepada seseorang dengan tidak disebutkan tepat, hanya disinggung dengan dikias-kiaskan atau diarahkan kepada perkara lain kerana tiada suka hendak menyebut terang-terang. Sindiran biasanya mengandungi maksud tersirat sebaliknya dan dilakukan dalam bentuk frasa, ayat, metafora atau pantun. Selain itu, dalam sindiran orang yang dikritik juga tidak disebut namanya dan juga tidak disebut sesuatu yang berkaitan secara langsung dengannya (Asmah,2000:85). Perkara ini boleh dilihat berdasarkan contoh ayat sindirin di bawah:

*“Ayah dengar Kementerian Pendidikan Malaysia nak mansuhkan peperiksaan di sekolah untuk kurangkan tekanan pelajar...”*

Dalam konteks ini, sindiran berlaku apabila penulis berpura-pura menyokong idea yang nampak positif tetapi dalam nada menyindir dasar kerajaan, memperlekeh usaha Kementerian Pendidikan yang ingin menghapuskan peperiksaan kononnya untuk *“kurangkan tekanan pelajar”*, walhal penulis menyatakan tekanan sebenar adalah pada silibus tinggi dan juga isu beg sekolah berat. Sindiran ini sering digunakan dalam wacana awam untuk menyampaikan kritikan sosial dengan cara yang halus, sehingga pembaca dapat merenungkan makna yang lebih mendalam di sebalik frasa tersebut. Pada masa yang sama mewujudkan ruang bagi pembaca untuk menilai dan mempertimbangkan isu-isu yang lebih besar, termasuk dasar pendidikan dan kesannya terhadap pelajar. Sindiran halus ini mencerminkan ketidakpuasan orang ramai terhadap dasar pendidikan dan mengajak pembaca untuk memikirkan implikasi yang lebih luas dari keputusan tersebut.

## Tempelak

Berbeza dengan sindiran, humor melalui tempelak lebih keras sifatnya. Asmah (2000:86) menyatakan bahawa dalam humor jenis ini, sasaran disebut namanya dengan nyata atas kesalahan yang mereka lakukan. Za'ba menjelaskan ragam bahasa tempelak sebagai “bahasa tepat yang menunjukkan kesalahan seseorang kemudian daripada telah dilakukannya, supaya ia sedar akan tafsirnya pada masa sebelum dilakukannya dahulu, dan supaya ia ingat pada masa yang ke hadapan pula”(1965). Menurut Za'ba, ragam bahasa tempelak menggunakan ragam bahasa yang agak kasar dan juga berfungsi untuk menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu. Penggunaan humor berbentuk tempelak ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

*“Menteri ni punya bangang sebijik macam korang la ayah tengok”*

Berdasarkan kepada contoh penggunaan humor tempelak di atas, merupakan satu bentuk kecaman atau makian secara langsung dan keras terhadap menteri dan juga secara kolektifnya kepada pembaca sendiri yang merujuk kepada kata “korang”. Dalam konteks ini, penulis secara terang menyerang pihak yang membuat dasar yang tidak berkesan dan tidak mengambil kira kepentingan rakyat, sekali gus menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat. Dalam kes ini, kepuasan itu berfungsi sebagai kritikan sosial yang tajam dan mencerminkan rasa tidak puas hati dengan dasar awam yang dianggap tidak berkesan. Kesannya, humor yang lemah ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan kritikan sosial yang mendalam. Oleh itu, humor jenis tempelak memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej yang lebih kritis dengan cara yang menghiburkan, sekali gus memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap isu-isu yang relevan. Dengan demikian, humor tempelak bukan hanya sekadar hiburan, tetapi juga merupakan medium efektif untuk mengekspresikan ketidakpuasan dan mendorong kepada perubahan sosial.

## Candik

Candik atau menyindir merupakan humor tajam yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perkara yang bertentangan dengan kenyataan. Penggunaan humor berbentuk candik dalam kalangan data ini dapat dilihat seperti dalam ungkapan *"Ujian motosikal ni lagi bagi tekanan pada pelajar, dah la bagi helmet index span pon dah gahai..."* Sama fungsinya dengan sindiran dan tempelak, candik digunakan untuk menyindir isu-isu yang dirasakan bertentangan dengan isu dan kupasan yang diberikan oleh pihak tertentu. Berdasarkan kepada ungkapan di atas, penggunaan istilah *"helmet index span"* dan *"gahai"* membawa maksud lucu terhadap situasi sebenar yang membebaskan, tetapi disampaikan dengan bahasa yang sinikal dan lucu. Konsepnya sama seperti dalam isu utama yang dibincangkan, iaitu pemansuhan sistem peperiksaan di sekolah yang dikatakan membebani pelajar. Humor secara candik bukan sahaja berfungsi sebagai alat humor, tetapi juga boleh menjadi cara untuk mengkritik dan menyampaikan mesej sosial yang lebih mendalam berkenaan cadangan pihak berautoriti demi kepentingan rakyat. Dalam konteks ini, penulis juga memasukkan unsur jenaka melalui penggunaan kata-kata seperti *"helmet index span"* dan *"gahai"*, iaitu istilah yang digunakan membawa makna lucu dalam konteks perbualan biasa. Dalam hal ini pemilihan kata itu sendiri menjadi sumber humor.

## Perli

Secara literal perli membawa maksud sindiran, mengejek atau mencemuh (Kamus Dewan). Asmah menjelaskan bahawa sifat humor seperti ini adalah seakan-akan tempelak, namun boleh ditafsirkan dengan pelbagai maksud oleh orang yang diperli atau yang mendengarnya. Dalam hal ini, penggunaan humor berbentuk perli ini kelihatan dituturkan dengan lebih lembut berbanding tempelak yang disampaikan secara kasar dan tegas. Sama seperti sindiran dan tempelak, perli digunakan untuk mematahkan dan melemahkan hujah orang lain. Penggunaan humor berbentuk perli ini tergambar dalam ungkapan *"Kalau macam tu Kementerian Pengangkutan pon kena la ikut langkah yang sama mansuhkan ujian lesen motosikal."*


Ungkapan perlian di atas mengandungi sindiran secara halus kepada pihak yang disindir. Penulis membandingkan dua perkara untuk menunjukkan kelemahan atas saranan pihak tertentu. Penulis seolah-olah berkata, "Kalau nak kurangkan tekanan, mansuhkanlah semua jenis ujian", yang jelas satu perlian terhadap dasar pemansuhan peperiksaan. Penggunaan kata-kata perlian dalam konteks ini juga mencerminkan bagaimana komunikasi dapat digunakan untuk menyampaikan kritikan secara halus, tanpa menimbulkan konflik secara langsung. Perlian dalam komunikasi juga mencerminkan pentingnya kemahiran bahasa halus untuk mengekalkan keharmonian sosial. Kemahiran ini membolehkan individu menyatakan pandangan atau kritikan dengan cara yang boleh diterima dan mengurangkan kemungkinan salah faham dan konflik.

## Kelakar

Kelakar merujuk kepada tutur kata atau tingkah laku seseorang yang dengan sengaja diwujudkan untuk membuat orang lain ketawa, sedangkan tutur kata atau tingkah laku itu tidak ada kena-mengena dengan kandungan perbincangan atau perbincangan (Asmah, 2000). Penggunaan humor yang berunsur kelakar ini tergambar dalam ungkapan *"Masuk simpang kena lambai-lambai tangan dengan brek moto pon tak berapa nak makan."* Unsur kelakar hadir melalui gambaran visual lucu orang menunggang motosikal sambil melambai tangan dan gagal mengawal brek. Ini mencetuskan humor fizikal secara visual yang dapat memberikan perspektif baharu mengenai isu-isu sosial yang kompleks.

## Mengusik atau Melawak

Penggunaan humor seperti ini adalah bertujuan untuk mengusik pihak lawan sama ada dari aspek tingkah laku, sifat, keadaan, prestasi dan sebagainya. Dalam konteks kajian, penggunaan unsur humor dengan tujuan untuk mengusik atau melawak dapat dilihat dalam ungkapan "*Besau punya sial!*". Ungkapan ini bersifat kasar tetapi digunakan dalam gaya bahasa melawak untuk menyindir keterlaluan dalam berkata-kata. Kata seperti ini bukan semata-mata makian, tetapi dimasukkan sebagai elemen hiperbola dan kejutan bagi mencuit reaksi pembaca. Dengan cara ini, humor menjadi alat yang berkesan untuk menyampaikan kritikan dengan lebih menarik serta dapat mewujudkan interaksi yang lebih dinamik dalam komunikasi yang membolehkan penyampaian mesej yang kritikal tanpa menimbulkan konflik secara langsung. Oleh itu, penggunaan humor dalam komunikasi dapat berfungsi sebagai penghubung untuk menyampaikan mesej sensitif sambil mengekalkan hubungan interpersonal yang positif.



Rajah 2. Sindiran terhadap Kenyataan Mengenai Penjawat Awam.

Jadual 2 Analisis Rajah 2 Sindiran terhadap Kenyataan Mengenai Penjawat Awam

Jenis Humor	Bukti teks	Fungsi
Sindiran	" <i>Sebagai penyelesaian, anak<sup>2</sup> harus diberhentikan sekolah...</i> ";	Menyindir logik kenyataan pakar
Tempelak	" <i>Penjawat awam yg hantar anak sekolah ketika waktu kerja wajar dibuang - pakar</i> "	Kritikan tersirat terhadap sistem pentadbiran yang tidak memahami realiti penjawat awam
Candik	" <i>Maafkan ayah kata pakar</i> "	Digunakan untuk mencairkan ketegangan sambil menyindir

Perli	"Kata zakar"	Sinis dan mengejek
Kelakar dan Melawak	"Anak <sup>2</sup> harus diberhentikan sekolah supaya tidak menyusahkan penjawat awam."	Bersifat absurd atau tidak masuk akal
Jenaka Kata	Perkataan "kata zakar" menggantikan "kata pakar"	merupakan permainan fonetik yang mencetuskan gelak ketawa dan provokasi

Data kedua memperlihatkan reaksi humor terhadap saranan agar penjawat awam dibuang kerja jika menghantar anak ke sekolah dalam waktu bekerja. Antara bentuk humor yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

### Sindiran

Frasa "*Sebagai penyelesaian, anak<sup>2</sup> harus diberhentikan sekolah supaya tidak menyusahkan penjawat awam.*" ini merupakan sindiran sinis terhadap kenyataan pakar yang tidak realistik. Penulis menyindir logik kenyataan tersebut dengan mencadangkan "*penyelesaian*" yang sebenarnya mustahil dan lebih tidak masuk akal, iaitu menyuruh anak berhenti sekolah. Sindiran ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan untuk kanak-kanak dan mengajak kita untuk mempertimbangkan penyelesaian yang lebih membina dan realistik dalam menghadapi masalah yang wujud. Sindiran dalam wacana awam ini menunjukkan bagaimana humor boleh menjadi alat yang berkesan untuk membangkitkan kesedaran orang tentang isu-isu pendidikan yang lebih mendalam dan kompleks.

### Tempelak

Ungkapan tempelak boleh dilihat pada ayat "*Penjawat awam yg hantar anak sekolah ketika waktu kerja wajar dibuang - pakar*". Kenyataan asal ini sendiri adalah bentuk tempelak terhadap penjawat awam, tetapi dimasukkan untuk memperlihatkan betapa tidak logiknya kenyataan tersebut, dan ia dikritik secara terbuka melalui teks seterusnya, iaitu "*Anak<sup>2</sup> harus diberhentikan sekolah supaya tidak menyusahkan penjawat awam*". Tempelak di sini bersifat sindiran balas yang mencerminkan ketidakpuasan rakyat dengan pandangan yang dianggap tidak realistik dan mengabaikan tanggungjawab sosial pemerintah. Kritikan ini menunjukkan pentingnya mempertimbangkan realiti sosial dan tanggungjawab yang wujud dalam kalangan penjawat awam dalam masyarakat.

### Candik

Berdasarkan ayat "*Maafkan ayah kata pakar*", bentuk candik yang digunakan lebih berbentuk sindiran lucu atau kekeliruan antara peranan dan tanggungjawab pihak yang mengeluarkan kenyataan dan secara tidak langsung mencerminkan ketidakpuasan terhadap pihak yang berutoriti yang gagal memikul tanggungjawab secara rasional khususnya dalam mengeluarkan saranan yang berkait secara langsung kepada rakyat.

### Perli

Penggunaan kata yang berunsur perlian jelas dalam pertukaran perkataan antara "pakar" kepada "zakar". Penulis menggunakan satu bentuk permainan bahasa yang sinikal dan mengejek. Penulis memerli 'pakar' tersebut secara halus dan sinis, seolah-olah menafikan kelayakan atau kewarasan mereka dalam mengeluarkan kenyataan yang memberi impak yang besar kepada rakyat.



## **Kelakar**

Penyataan “*Anak<sup>2</sup> harus diberhentikan sekolah supaya tidak menyusahkan penjawat awam.*” ini bersifat *absurd* (tidak masuk akal) kerana menggambarkan penyelesaian yang ekstrem terhadap masalah yang biasa sifatnya. Cadangan yang kurang bijak ini menjadi sumber lawak kepada penulis.

## **Jenaka Kata**

Analisis penggunaan kata berunsur jenaka kata ini dapat dilihat pada frasa “*Kata zakar*” daripada “*kata pakar*”. Penggunaan kata-kata ini menunjukkan permainan fonetik bagi kata “*pakar*” menjadi “*zakar*” yang menghasilkan jenaka kata. Pertukaran suku kata depan ini digunakan untuk mencipta elemen lucu yang mengandungi kejutan dan nada sarkastik bagaimana perubahan kecil dalam ejaan sesuatu kata mengubah bunyi kata tersebut seterusnya dapat menghasilkan makna yang berbeza yang mewujudkan humor dalam komunikasi.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan kajian ini membuktikan bahawa humor dalam media sosial bukan sekadar alat hiburan, tetapi berperanan penting dalam menyampaikan kritikan sosial dan pandangan masyarakat terhadap isu-isu semasa. Penggunaan humor dalam komunikasi digital oleh pencipta kandungan media sosial di Malaysia memperlihatkan kreativiti serta keupayaan masyarakat dalam mengadaptasi bentuk komunikasi baharu untuk menyuarakan pendapat, meluahkan perasaan dan menegur secara halus terhadap isu-isu sensitif dalam masyarakat dan negara. Ini menunjukkan humor dalam media sosial Malaysia telah berevolusi bukan sekadar sebagai seloka tetapi alat perubahan sosial.

Dapatan analisis menunjukkan humor berperanan penting sebagai satu bentuk strategi komunikasi yang membolehkan pengguna menyampaikan kritikan sosial secara tidak langsung. Berdasarkan kerangka tujuh jenis humor Asmah Haji Omar ini, pengkaji melihat bagaimana pencipta kandungan memanfaatkan sindiran, tempelak, candik, perli dan jenaka kata serta melawak untuk menyuarakan suara rakyat dan mentransformasi wacana awam secara inklusif. Walau bagaimanapun, penggunaan humor juga boleh membawa kepada salah faham, penyebaran stereotaip dan kadang kala memperkuat prejudis yang bergantung kepada konteks dan interpretasi khalayak. Dengan memahami penggunaan humor dalam komunikasi digital, pencipta kandungan dapat mengembangkan strategi yang lebih berkesan untuk menyampaikan mesej sosial seterusnya meningkatkan pelibatan masyarakat secara positif dalam membicarakan isu-isu penting.

Humor walaupun mampu menimbulkan suasana yang mencuit hati khalayak namun, matlamat yang tersirat di sebaliknya adalah untuk mengkritik pihak-pihak tertentu, justeru kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih holistik mengenai hubungan antara humor, identiti sosial dan dinamika kuasa dalam ruang komunikasi siber masa kini. Kajian ini juga diharap dapat memberikan pandangan baharu tentang peranan humor dalam komunikasi digital, serta implikasinya terhadap dinamik sosial di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan. 2002. *Komunikasi untuk Pendakwah*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Asmah Hj. Omar. 2000. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ezzah "Ariffin Nasarudin. Et.al. (2022). Bahasa Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>. 19-29.
- Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh. (2018). Meme Sebagai Seloka Persendaan dan Parodi: Impak Dimensi Sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi* Jilid 34(1) 2018: 75-96.
- Kamus Dewan Online. <https://prpm.dbp.gov.my/>.
- Sabitha Marican. 2009. *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Talib Samat. 2006. Teknik Naratif Cerpen-cerpen Shahnnon Ahmad. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- William E. Kelly. 2002. An Investigation of Worry and Sense of Humor. *The Journal of Psychology: Interdisciplinary and Applied*, <http://dx.doi.org/10.1080/00223980209604826>.
- Zainal Abidin Ahmad Za'ba). 1965. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.